

23 MAY 1998

DR MAHATHIR DIBENARKAN PULANG DARI HOSPITAL

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dibenarkan pulang setelah menjalani rawatan selama seminggu di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di sini kerana pembedahan kecil di buku lali kirinya.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka yang telah mengirim ucap selamat, jambangan bunga dan berdoa beliau cepat sembuh, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada doktor, pegawai dan kakitangan HUKM kerana rawatan dan layanan baik.

Dr Mahathir menjalani pembedahan kecil bagi membuang darah beku di buku lali kirinya pada 16 Mei lepas dan dinasihatkan oleh doktor supaya berehat beberapa hari.

Perdana Menteri bagaimanapun telah mepengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu lepas dan kembali ke hospital selepas itu untuk rawatan dan berehat.

Luka itu dialami oleh Dr Mahathir setelah tertendang ketulan batu pada 7 Mei, sehari sebelum beliau berlepas untuk lawatan rasmi ke Mesir dan Sudan.

-- BERNAMA
HS MAI